

Headline	Buluh jadi alternatif baharu		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	27 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	11	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,813
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,439



Buluh jadi alternatif baharu

MALAYSIA mempunyai kira-kira 70 daripada 1,250 spesies buluh yang terdapat di seluruh dunia. Kebanyakan daripadanya adalah spesies tempatan yang tumbuh di kawasan hutan asli dan hutan selepas pembalakan di negara ini.

Negara dianggarkan mempunyai kira-kira 329,000 hektar kawasan dirian buluh yang mana sebanyak 31 peratus daripadanya tumbuh di Semenanjung Malaysia, 45 peratus di Sarawak dan 24 peratus di Sabah.

Hasil daripada kajian dan penyelidikan, sebanyak 13 spesies dikenal pasti berpotensi untuk tujuan komersial.


Bersandarkan maklumat dan nilai kegunaannya, buluh mempunyai potensi besar untuk dijadikan alternatif kepada sumber kayu-kayan sekali gus meneroka pasaran yang lebih luas.

Antara contoh penggunaan buluh pada masa kini adalah dalam pembuatan lantai, perabot, *chopstick*, sidai dan venir. Bahkan dalam sesetengah pembuatan produk, buluh menghasilkan rekaan yang lebih baik.

Berdasarkan cabaran dan hala tuju industri buluh negara, satu Pelan Tindakan Pembangunan Industri Buluh dilancarkan pada bulan November 2011.

Antara strategi yang dikenal pasti dan akan dilaksanakan adalah;

- i) Penubuhan ladang buluh dan melestarikan pengurusan sumber asli sedia ada.
- ii) Pembangunan modal insan.
- iii) Pembangunan aktiviti hiliran.
- iv) Penyelidikan dan pembangunan.
- v) Promosi dan perdagangan.



KETUA Pengarah MTIB, Dr. Jalaluddin Harun berucap pada sambutan Hari Buluh Sedunia yang lalu.

Dalam usaha mempopularkan buluh sebagai sumber baharu di negara ini, tarikh 18 September dipilih setiap tahun sebagai sambutan Hari Buluh Sedunia (WBD).

Sambutan itu diumumkan oleh *World Bamboo Organization* (WBO) semasa *World Bamboo Congress* (WBC) ke-8 yang diadakan di Thailand pada tahun 2009.

Sebanyak 43 buah negara mengambil bahagian dalam WBC yang mana Malaysia diwakili oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

WBD 2012 disambut bersama lima buah organisasi iaitu MTIB sebagai pengaju utama; FRIM; Universiti Putra Malaysia (UPM); Yayan Inovasi dan Keusahawanan Global (GIEF) dan 1Mont Kiara Mall.

Untuk sambutan di peringkat antarabangsa, WBD 2015 pada tahun ini telah berlangsung secara besar-besaran di Damyang, Korea Selatan bersempena Program Kongress Buluh Sedunia ke-10 (WBC2015).

Program yang diadakan setiap tiga tahun sekali itu menghimpunkan kira-kira 400 pengusaha, pengkaji dan peminat buluh dari lebih 30 buah negara.

